

Headline	Gunting rambut pungut derma		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	22	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	344 cm <sup>2</sup>
Journalist	am@mediaprima.com.my Kuala Lumpur	AdValue	RM 12,705
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,114



# Gunting rambut pungut derma

■ MAF,  
L'Oreal  
prihatin  
nasib budak  
HIV, AIDS

Oleh Nur Lela Zulkifli  
am@mediaprima.com.my  
Kuala Lumpur

Headline	Gunting rambut punggut derma		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	22	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	344 cm <sup>2</sup>
Journalist	am@mediaprima.com.my Kuala Lumpur	AdValue	RM 12,705
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,114



DR Adeeba (dua dari kiri) dan Marina (tengah) turut sama dalam aktiviti menggunting rambut pada kempen HIV dan AIDS.

**B**ertemakan Sifar Diskriminasi, Bahagian Produk Profesional (PPD) L'Oreal Malaysia dan Yayasan AIDS Malaysia (MAF) bekerjasama meraikannya bersama kanak-kanak dijangkiti HIV dan AIDS.

Kempen itu mengumpulkan derma bagi kanak-kanak dijangkiti HIV dan AIDS di bawah MAF.

Menurut Pengurus Ko-

munikasi Perhubungan Awam PPD, L'Oreal Malaysia, Nicole Lee, kempen itu juga bakal mengumpulkan pelanggan produk berkenaan daripada pelbagai lapisan masyarakat bersama menjayakan kempen tersebut.

“Orang ramai bakal menyaksikan kerjasama lima pereka terkenal bersama lima duta seni profesional dan jualan beg edisi terhadap dalam kempen kali ini

Bagi acara kemuncak pula, L'Oreal menganjurkan acara menggunting rambut semalam dan hari ini di Center Court, pusat beli-belah Mid Valley.

Antara personaliti ter-

kenal yang menyertai kempen berkenaan termasuklah Datin Paduka Marina Mahathir, Datuk Jimmy Choo Yeang Keat, Datuk Tom Abang Saufi, Eric Chong, Winnie Sin, Yong Yoon Lin, Deana Yusof dan Vanida Imran.

“Kempen kali ini bakal menonjolkan kelainan kerana mengumpulkan ramai tokoh terkenal bagi menjayakan program kebajikan.

“Kami ingin memberitahu kepada masyarakat salun rambut yang terbit bukan saja mewarnakan rambut malah prihatin kepada nasib kanak-kanak malang,” ka-

tanya.

Sementara itu, Pengerusi MAF Prof Dr Adeeba Kamarulzaman berkata, usaha L'Oreal harus dipuji dalam meraikan kanak-kanak yang dijangkiti HIV dan AIDS melalui kempen yang dianjurkan.

“Pada kempen kali ini, kami berharap dapat meningkatkan kesedaran di samping menentang prejudis dan diskriminasi terhadap penghidap AIDS di kalangan orang ramai,” katanya.

Orang ramai boleh memainkan peranan dalam mengubah nasib kanak-kanak HIV dan AIDS dengan menjadi pelanggan L'Oreal hanya pada harga RM20 sehingga esok di pusat beli-belah Mid Valley daripada jam 2.30 petang hingga 9 malam.

